

NO. SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

RUJUKAN : 9941

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan untuk menyelesaikan keraguan yang ada berkenaan dengan masyarakat warga Sabah yang bukan beragama Islam tetapi telah diklasifikasikan sebagai penganut agama Islam sebab adanya 'Bin' atau 'Binti' dalam nama mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Butiran agama kanak-kanak pada Sijil Kelahiran oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berpandukan kepada maklumat agama ibu dan bapa yang dikemukakan semasa permohonan pendaftaran kelahiran melalui Borang Pendaftaran Kelahiran serta dokumen sokongan yang lain. Rekod tersebut tidak merujuk kepada nama pemohon walaupun terdapat penggunaan perkataan ‘bin’ atau ‘binti’ pada nama mereka.

Bagi butiran agama pada Kad Pengenalan pula, JPN merujuk maklumat ini pada rekod Sijil Kelahiran individu. Walau bagaimanapun, sebagai mekanisme untuk mengelakkan kekeliruan butiran agama individu yang menggunakan perkataan “bin” atau “binti” pada Kad Pengenalan, JPN telah mencetak perkataan “Islam” khusus pada Kad Pengenalan semua individu yang beragama Islam bagi memudahkan semakan dan rujukan secara fizikal.